



Universiti Pengurusan Terkemuka

UUM CORPORATE COMMUNICATION UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PENTAKSIRAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19

Seperti yang kita sedia maklum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran di UUM telah terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan lanjutan tempoh PKP sehingga 14 April 2020. Justeru, berpandukan saranan dan garis panduan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dengan mengambil kira kesediaan pensyarah, kesediaan pelajar dan kesediaan infrastruktur serta infostruktur sokongan, maka universiti telah memutuskan perkara-perkara berkaitan PdP berikut bagi meneruskan semula aktiviti tersebut:

A) PROGRAM SARJANA MUDA

1. Pengajian Semester Kedua Sesi 19/20 (A192) akan ditangguhkan sehingga **26 April 2020**.
2. Mulai **27 April 2020**, semua aktiviti PdP akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
3. Kaedah *remote learning* merupakan kaedah selain bersemuka, antaranya pembelajaran berbentuk tugas dan pembelajaran sendiri menggunakan pelbagai sistem komunikasi, penyampaian dan sumber pembelajaran.
4. Susulan pelaksanaan kaedah *remote learning*, tempoh pengajian akan dilanjutkan sehingga **15 Julai 2020** bagi memberi masa yang mencukupi kepada para pelajar untuk mendapat capaian kepada bahan pengajaran serta melaksanakan tugas dalam keadaan mencabar ini.
5. Tempoh Peperiksaan Akhir dipendekkan kepada dua (2) minggu memandangkan kebanyakan kursus tiada peperiksaan akhir.
6. Kalendar Akademik Semester Kedua 2019/2020 (A192) yang telah diubah suai adalah seperti berikut:

SEMESTER KEDUA 2019/2020 PROGRAM SARJANA MUDA

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	NOTA
Tempoh Pengajaran	Ahad, 9 Februari 2020 – Selasa 17 Mac 2020	5.5 minggu	
Cuti Pertengahan Semester	Rabu, 18 Mac 2020 – Selasa, 31 Mac 2020	2 minggu	Israk dan Mikraj, 22 Mac 2020
Penangguhan Pengajian disebabkan oleh Covid-19	Rabu, 1 April 2020 – Ahad, 26 April 2020		Awal Ramadan, 24 April 2020
Tempoh Pengajaran	Isnin, 27 April 2020 – Rabu, 15 Julai 2020	12.5 minggu	Hari Buruh, 01 Mei 2020 Hari Wesak, 07 Mei 2020 Aidil Fitri, 24-25 Mei 2020
Minggu Peperiksaan	Khamis, 16 Julai 2020 – Selasa, 28 Julai 2020	2 minggu	
Cuti Semester	Rabu, 29 Julai 2020 – Sabtu, 3 Oktober 2020	9.5 minggu	Awal Muharram, 20 Ogos 2020

7. Sebarang bentuk pentaksiran sama ada peperiksaan pertengahan semester, tugasan, kuiz, pembentangan projek dan lain-lain termasuk peperiksaan akhir akan dilaksanakan secara atas talian (*online*) atau mana-mana kaedah yang akan dimaklumkan kelak.
8. Bagi kursus di mana pensyarah telah bersedia untuk menyediakan PdP secara *remote learning* yang berkesan kepada semua pelajar serta pelajar juga bersetuju dan bersedia maka pensyarah boleh meneruskan PdP lebih awal.

B) PROGRAM PASCA SISWAZAH

1. Trimester Kedua Sesi 2019/2020 akan disambung semula pada **5 April 2020**.
2. Semua aktiviti PdP akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
3. Kalendar Akademik Trimester Kedua Sesi 2019/2020 yang diubahsuai adalah seperti berikut:

TRIMESTER KEDUA 2019/2020 (192) PROGRAM PASCA SISWAZAH

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	NOTA
Tempoh Pengajaran	Jumaat, 10 Januari 2020 - Selasa, 17 Mac 2020	9.5 minggu	Tahun Baru China, 25 & 26 Januari 2020 Thaipusam, 8 Februari 2020
Penangguhan Pengajian disebabkan oleh Covid-19	Rabu, 18 Mac 2020 - Sabtu, 4 April 2020		Israk dan Mikraj, 22 Mac 2020
Tempoh Pengajaran dan Pentaksiran	Ahad, 05 April 2020 - Ahad, 26 April 2020 Peperiksaan (bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir) Jumaat, 17 April 2020 – Ahad, 26 April 2020 (10 hari)	3.5 minggu	Awal Ramadhan, 24 April 2020
Cuti Semester	Isnin, 27 April 2020 – Khamis, 14 Mei 2020	2.5 minggu	Hari Buruh, 01 Mei 2020 Hari Wesak, 07 Mei 2020

4. Sesi Mempertahankan Tesis dan sesi Viva untuk program sarjana secara *mixed mode* dan penyelidikan dan program peringkat kedoktoran akan dijalankan secara atas talian (*online*) menggunakan platform Webex.

C) PROGRAM ASASI PENGURUSAN

1. Tarikh permulaan Semester Ketiga Sesi Akademik 2019/2020 ditetapkan pada **5 April 2020**.
2. Semua aktiviti PdP serta pentaksiran akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
3. Pentaksiran untuk semua kursus pada semester ini adalah secara 100% kerja kursus.
4. Kalendar Akademik Semester Ketiga Sesi 2019/2020 adalah seperti berikut:

SEMESTER TIGA SESI 2019/2020 PROGRAM ASASI PENGURUSAN

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	NOTA
Tempoh Pengajaran	Ahad, 05 April 2020 – Sabtu, 23 Mei 2020	7 minggu	Awal Ramadhan, 24 April 2020 Hari Pekerja, 01 Mei 2020 Hari Wesak, 07 Mei 2020

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi **Puan Azian Nafiah** Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik di talian **04-928 3303**.

PROF. DR. YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia

30 MAC 2020